

17 kawasan catat IPU tidak sihat

BH
12/9/2015
M/S 15

» *Jerebu diramal berterusan beberapa hari lagi*

Oleh Mohd Roji Kawi, Petah Wazzan Iskandar, Mohd Izham Unnip Abdullah dan Nurul Fhatihah Zakinan
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Sebanyak 17 kawasan di seluruh negara mencatatkan Indeks Pencemaran Udara (IPU) tidak sihat berikutan jerebu hingga malam tadi.

Sehingga jam 9 malam tadi, laman IPU Jabatan Alam Sekitar (JAS) merekodkan kawasan berkenaan ialah Pasir Gudang, Bandaraya Melaka, Bukit Rambai, Nilai, Port Dickson, Seremban, Kuching, Samarahan, Sri Aman dan Banting.

Kawasan lain ialah Shah Alam.



Keadaan di Bandaraya Kuching ketika bacaan IPU **menunjukkan peningkatan 177** pada waktu pagi.

[FOTO MOHD RADZI/ BH]

184 pada jam 5 petang manakala Kuching mencatatkan bacaan IPU 167 dan Sri Aman pula 177 berikutan peralihan laluan angin dari

hujan lebat pada Rabu lalu.

Pengarah JAS Melaka, Shafe'e Yasin, berkata pertambahan bilangan lokasi titik panas dua kali

Melaka



Menara Taming Sari dan Bukit St Paul hampir **tidak kelihatan berikutan jerebu** yang melanda Melaka.

[FOTO MUHAMMAD ZUHAIRI ZUBER/ BH]

Kota Kinabalu



Kelihatan **sebuah pesawat sedang berlepas** di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, dengan bacaan IPU 61, pada tahap sederhana.

[FOTO IZHARI ARIFFIN/ BH]

Petaling Jaya, Batu Muda di Kuala Lumpur, Cheras, Putrajaya, Kuala Selangor dan Pelabuhan Klang.

Bacaan tidak sihat paling tinggi dicatatkan di Nilai iaitu 143. IPU antara 100 hingga 200 dikategorikan tidak sihat.

Cheras dan Kuala Selangor memasuki zon tidak sihat pada jam 7 malam tadi masing-masing 116 dan 109.

Catat IPU tertinggi

Di **Sarawak**, Samarahan mencatatkan bacaan tertinggi IPU melepasi kualiti udara tidak sihat iaitu

di Kalimantan, Indonesia.

Di **Kota Kinabalu**, Timbalan Pengarah Jabatan Meteorologi Sabah, Lim Ze Hui, berkata hanya Tawau mencatat jarak penglihatan agak baik dengan sembilan kilometer dan Sandakan, lapan kilometer.

“Keadaan jerebu kini merebak di seluruh negeri dan ia diramal berterusan selama beberapa hari lagi,” katanya.

Di **Melaka**, keadaan kembali berjerebu biarpun kualiti udara di negeri terbabit baru sahaja beransur pulih selepas menerima

ganda daripada 140 pada 9 September lalu kepada 328, kelmarin.

“Jika tidak hujan dalam satu atau dua hari lagi, kemungkinan paras kualiti udara boleh mencecah paras 150,” katanya.

Tiada peningkatan pesakit

Sementara itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pemantauan di semua klinik terbabit mendapati tidak terdapat peningkatan pesakit yang datang dengan penyakit yang berkaitan dengan jerebu pada minggu ke-34 (23 - 29 Ogos

2015) berbanding minggu ke-35 (30 Ogos - 5 September 2015).

“Rekod menunjukkan ketika jerebu dilaporkan, jangkitan saluran pernafasan sebanyak 5,070 kes pada minggu ke-35 berbanding 6,502 kes pada minggu ke-34, asma sebanyak 736 kes pada minggu ke-35 berbanding 837 kes pada minggu ke-34 dan konjunktivitis pula sebanyak 736 kes pada minggu ke-35 berbanding 837 kes pada minggu ke-34,” katanya.

Pada masa sama, Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir

Khalid, mengarahkan Kementerian memantau IPU dua kali sehari.

“Jika IPU cecah 250, iaitu sangat tidak sihat, Kementerian akan ambil tindakan susulan dengan dibantu Kementerian Kesihatan,” katanya.

Di Pandamaran, Indonesia Agensi Pengurusan Bencana Indonesia (BNPD) berkata, tentera Indonesia akan dihantar ke wilayah di selatan Sumatera dan Jambi, dua lokasi panas utama dan jika perlu, agensi itu juga akan mengerah helikopter tambahan untuk memadam api.

Putrajaya



Bangunan Perdana Putra hampir **tidak kelihatan pada jarak 3 kilometer** berikutan jerebu yang melanda. Indeks Pencemaran Udara dicatatkan 76 pada paras sederhana di sekitar Putrajaya. [FOTO FARIZ ISWADI ISMAIL/ BH]

Shah Alam



Pemandangan Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam **kurang kelihatan akibat jerebu** yang melanda Bandaraya Shah Alam.

[FOTO ROSLIN MAT TAHIR/ BH]